

# KENYATAAN MEDIA

**UNTUK SIARAN SEGERA**

## ZAINORA ZAINAL DILANTIK KETUA EKSEKUTIF CIDB MALAYSIA

**KUALA LUMPUR, 29 NOVEMBER 2024** – Zainora Zainal dilantik sebagai Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) berkuatkuasa hari ini. Surat pelantikan jawatan tersebut telah disampaikan oleh Menteri Kerja Raya, Dato Sri Alexander Nanta Linggi di pejabatnya di sini.

Zainora sebelum ini memegang jawatan Timbalan Ketua Eksekutif II (Pembangunan), dan telah berkhidmat selama 26 tahun di CIDB. Antara jawatan yang telah disandang beliau termasuk Pengurus Besar Kanan Sektor Pembangunan Teknologi, Pengarah Negeri CIDB Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pengurus Besar Bahagian Persekutaran Bisnes dan Bahagian Antarabangsa.

Beliau terlibat di dalam pelbagai jawatankuasa yang bertanggungjawab membangunkan polisi, program dan standard berkaitan industri pembinaan.

Zainora Zainal dilantik sebagai Ketua Eksekutif CIDB bagi menggantikan Dato' Sr Mohd Zaid Zakaria yang telah bersara wajib pada 28 November 2024.

#####

---

## **Mengenai CIDB Malaysia**

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

---